

# UMS memperluas keterlihatan global, jalin kerjasama dengan institusi di Jepun

VB 27.4.2019 B1

Oleh YAP SIONG HAN

**UNIVERSITI** Malaysia Sabah (UMS) sedang memperluas kerjasama antarabangsa dengan institusi di negara-negara yang berdasarkan teknologi dan perindustrian termasuk Jepun.

Pengarah Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global, Prof. Dr. Ho Chong Mun berkata, kerjasama seumpama itu penting bagi menerapkan budaya kerja maju, pengetahuan dan pengalaman kepada pelajar dan pensyarah sejajar dengan perkembangan pesat Revolusi Industri (IR).

4.0.

“Sebagai contoh di Kindai University Jepun, setiap tahun kita akan menghantar pelajar untuk menjalani latihan industri ke universiti itu sebagai sebahagian daripada pengisian kerjasama yang telah terjalin.

“Di sana, mereka mengalami sendiri suasana dan budaya kerja yang lebih keterhadapan sekali gus mendokong kepada usaha universiti untuk merealisasikan graduan yang lebih bersedia dan terbukti kemampuannya untuk bekerja atau juga dikenali sebagai future-ready graduate,” katanya ketika mengulas mengenai kunjungan rasmi Konsul

Pejabat Konsular Jepun di Kota Kinabalu, Kako Shiho kepada Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin baru-baru ini.

Ho berkata, UMS juga akan menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan dua lagi universiti terkemuka di Jepun pada tahun ini.

Katanya, kerjasama itu akannierangkumi program pertukaran kakitangan dan pelajar, kerjasama dalam bidang penyelidikan, penempatan latihan industri pelajar UMS di syarikat-syarikat Jepun dan pelbagai lagi kerjasama lain yang boleh memberi manfaat kepada kedua belah pihak.

“Berhubung dengan

kerjasama ini, Konsul Jepun turut berbesar hati untuk menawarkan bantuan sekiranya terdapat sebarang keperluan dari pihak UMS.

“Dalam masa sama beliau juga memaklumkan untuk membantu mencari syarikat-syarikat dari ‘negara matahari terbit’ yang bermintat melabur ke negara ini khususnya di Sabah,” katanya.

Pada kunjungan hormat itu, Kako yang baru dilantik sebagai Konsul pada 21 Mac lalu hadir ditemani Timbalan Konsul, Ai Tsukamoto.

Turut hadir menyambut kunjungan beliau Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Madya Ts. Dr. Ramzah Dambul.



**HO** (kanan) dan Kamarudin (dua kanan) mengambil gambar kenangan bersama Kako (kiri) dan Tsukamoto (dua kiri) pada logo sambutan Jubli Perak 25 Tahun UMS.